

Kumpulan Naza serah MITEC kepada kerajaan

KUALA LUMPUR: Naza Corporation Holdings Sdn Bhd (Kumpulan Naza), konglomerat Bumiputera terbesar Malaysia, secara rasminya menyerahkan Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa (MITEC) bernilai RM628 juta kepada kerajaan, kelmarin.

Pengerusi Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, SM Nasarudin SM Nasimuddin berkata, Naza TTDI Sdn Bhd iaitu cabang hartanah Kumpulan Naza, telah berjaya menyiapkan bangunan ikonik dan berprestij terbaharu itu mengikut jadual yang ditetapkan.

“MITEC merupakan contoh kejayaan perkongsian awam-swasta iaitu membabitkan sektor swasta dan kerajaan.

“Kami amat berbangga dapat menyiapkan kemudahan RM628 juta ini dan membuktikan kemampuan Kumpulan untuk melaksanakan projek infrastruktur ‘turnkey’ (siap guna) utama,” katanya ketika berucap pada majlis penyerahan itu di bangunan MITEC, malam kelmarin.

Majlis penyerahan oleh SM Nasarudin kepada Menteri-

an Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diwakili oleh Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Terletak di lokasi strategik di Persiaran Dutamas di sini, MITEC dibina di kawasan seluas 1.5 juta kaki persegi.

Ia adalah ruang pameran terbesar di negara ini dengan kemudahan 11 dewan yang boleh memuatkan sehingga 40,000 pengunjung pada satu-satu masa.

SM Nasarudin berkata MITEC merupakan komponen pertama projek pembangunan KL Metropolis Naza

TTDI seluas 30.2 hektar dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM20 bilion.

“Pelan Induk KL Metropolis itu bakal menjadikannya sebagai pusat perniagaan dan komersial utama dengan kediaman serba elegan dalam hab korporat berkelas dunia. Ia juga akan menjadi kawasan pameran dan dagangan antarabangsa Kuala Lumpur yang baharu,” katanva. — Bernama



PERASMIAN: Najib (tengah) merasmikan MITEC Jalan Duta di Kuala Lumpur, malam kelmarin. Turut kelihatan (dari kiri) Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI SM Faliq SM Nasimuddin, Pengerusi Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Naza Corporation Holdings SM Nasarudin SM Nasimuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed serta Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Naza World Datuk SM Faisal SM Nasimuddin. — Gambar Bernama